

Al-Raniri dan Perkembangan Islam di Pahang*

Muhammad Ikhlas Rosele
Universiti Malaya, ikhlas@um.edu.my

Rahimin Affandi Abdul Rahim
Universiti Malaya, faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Abstrak

Al-Raniri merupakan salah seorang ulama di Nusantara. Beliau mempunyai sumbangan yang besar dalam memartabatkan Islam di Nusantara. Menurut beberapa catatan beliau telah datang dan menetap di Pahang dalam satu tempoh masa yang agak lama. Oleh itu, artikel ini bertujuan melakukan analisis hubungan al-Raniri dan perkembangan Islam di Pahang. Analisis dilakukan berasaskan data-data kepustakaan. Hasil kajian mendapati al-Raniri mempunyai sumbangan dan pengaruh perkembangan Islam di Pahang dalam beberapa aspek seperti penulisan kitab, dakwah, penguasaan bahasa dan hubungan intelektual Pahang dan Aceh.

Kata kunci: al-Raniri, Pahang, perkembangan Islam, Nusantara

Al-Raniri and the Development of Islam in Pahang

Abstract

Al-Raniri is one of the scholars in the Malay Archipelago. He has a great contribution in promoting Islam in the Archipelago. According to some records, he came and lived in Pahang in a quite long period of time. Therefore, this article aims to analyze the relationship between al-Raniri and the development of Islam in Pahang. The analysis was conducted based on literature data. The study found that al-Raniri have contributed and influenced the development of Islam in Pahang in some aspects such as the writing of the book, da'wah, language proficiency and intellectual relationship between Pahang and Aceh.

Keywords: *al-Raniri, Pahang, the development of Islam, Malay Archipelago*

Pendahuluan

Al-Raniri adalah nama tokoh yang tidak asing lagi di Alam Melayu. Beliau terkenal dengan hasil penulisan dan usaha dakwah yang dijalankannya. Al-Raniri antara ulama yang memainkan

* Artikel ini adalah antara hasil dapatan projek penyelidikan di bawah Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang dengan tajuk "Merekonstruksi Sejarah Islam di Pahang".

peranan dalam perkembangan dan kelestarian Islam di Alam Melayu khususnya negeri Aceh. Selain Aceh al-Raniri juga pernah berada di beberapa tempat yang lain seperti Mekah dan Pahang yang merupakan salah satu negeri di semenanjung Malaysia.

Lazimnya, kedatangan ulama pada satu-satu tempat telah memberikan kesan yang positif dalam penyebaran dan perkembangan Islam. Lantaran itu, timbul persoalan mengenai peranan dan sumbangan al-Raniri di Pahang. Oleh itu, artikel ini cuba melakukan analisis untuk mengenalpasti wujudnya hubungan kedatangan al-Raniri dengan perkembangan Islam di Pahang. Perbahasan artikel ini akan menyentuh beberapa aspek seperti hubungan ulama dengan perkembangan Islam, biografi al-Raniri, perkembangan Islam di Pahang dan hubungan al-Raniri dengan perkembangan Islam di Pahang.

Ulama dan Perkembangan Islam

Ulama pada hakikatnya memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di sesebuah tempat. Kehadiran mereka menjadi satu titik tolak penyebaran Islam, pengajaran dan membentuk masyarakat mengikut acuan Islam. Kerana itu dalam rentetan sejarah para ulama merantau dan berhijrah bagi memastikan kelangsungan Islam di atas muka bumi. Berasaskan kenyataan ini ramai intelektual telah mengkaji peranan ulama dan sumbangannya dalam perkembangan Islam bagi sesebuah tempat.

Dalam konteks Alam Melayu, beberapa kajian telah dilakukan untuk melihat hubungan ulama dengan perkembangan Islam. Ali Mohamad melakukan kajian terhadap seorang tokoh Alam Melayu iaitu Abdul Rauf Singkel. Kajiannya menjurus kepada peranannya dalam memartabatkan tamadun Islam di Nusantara. Kajian mendapati Peranan Abdul Rauf Singkel dikenalpasti dalam aspek penulisan, pendidikan, mewujudkan jaringan keilmuan dan melahirkan generasi ulama di Alam Melayu¹. Selain itu Abdulrahman dan Weayousuf melakukan kajian sumbangan dan peranan Tuan Guru Haji Wan Yusof al-Bandari dalam penyebaran ilmu agama di Selatan Thailand. Kajian ini mendapati peranan dan sumbangannya dalam

¹ Ali Mohamad, "Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel," *Jurnal al-Tamaddun* 4 (2009): 90-97.

penyebaran ilmu agama dalam beberapa aspek seperti penubuhan sekolah, membentuk generasi pelapis, berdakwah dan pengarang (penulisan dan semakan buku)².

Ahmad Zaki dan Mohamad Roslan pula mengkaji mengenai Tuan Tabal salah seorang ulama di Malaysia serta hubungannya dengan perkembangan Islam. Kajian ini mendapati Tuan Tabal memberikan sumbangan yang besar dari segenap aspek merangkumi penulisan kitab, pendidikan, pengajaran, persuratan dan perkembangan tarikat dan tasawuf di Tanah Melayu³. Napisah dan Karim melakukan kajian terhadap Tuan Husain Kedah dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Kedah. Sumbangan Tuan Husain Kedah dilihat dari aspek penubuhan institusi pendidikan, penulisan kitab dan ketokohan serta peribadi beliau⁴.

Kamarudin Salleh juga melakukan kajian yang hampir serupa. Beliau mengkaji mengenai Haji Ishak Baharom dan sumbangan pemikirannya di Malaysia. Sumbangan pemikiran beliau dilihat melalui penulisannya dalam beberapa isu terpilih seperti isu hudud dan ajaran sesat⁵. Mohamad Amin, Mohd. Ridzuan dan Iknor Azli melakukan kajian terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin dan sumbangannya dalam perkembangan fiqh di Nusantara. Kajian ini mengenalpasti sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin dalam penulisannya terutama dalam mengaplikasikan fiqh dalam penulisan ilmu falak⁶.

² Abdulrahman Hasan Masoh & Weayousuf Ismail Sidae, Tuan Guru Haji Wan Yusuf al-Bandari: Peranan dan Sumbangannya dalam Penyebaran Ilmu Agama di Selatan Thailand, Azmul Fahimi Kamaruzaman et.al. eds., Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011), 43-45.

³ Ahmad Zaki Berahim @ Berahim & Mohamad Roslan Mohd Nor, "Tuan Tabal (1891M) dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Tanah Melayu", *Jurnal al-Tamaddun* 4 (2009): 138-143.

⁴ Napisah Karimah Ismail & Farid Mat Zain, "Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011), 347-349.

⁵ Kamarudin Salleh, "Dato' Haji Ishak Baharom dan Sumbangan Pemikirannya di Malaysia," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011)*, 240.

⁶ Mohamad Amin Abu Bakar, Mohd. Ridzuan Awang & Iknor Azli Ibrahim, "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1860-1965M) Terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama

Walaupun berbeza latar belakang dan ketokohan ulama yang dikaji, mereka memainkan peranan dalam perkembangan Islam di sesebuah tempat. Berasaskan kajian-kajian yang telah dilakukan terdapat beberapa aspek yang menjadi kayu ukur sumbangan ulama terhadap perkembangan Islam. Aspek tersebut antaranya adalah penulisan, penubuhan institusi pendidikan, dakwah, pendidikan dan pengajaran, mewujudkan jaringan keilmuan, melahirkan generasi pelapis dan sebagainya. Aspek-aspek ini menjadi pertimbangan dalam melakukan kajian hubungan al-Raniri dalam perkembangan Islam di Pahang.

Pengenalan Nur al-Din al-Raniri

Nur al-Din al-Raniri (al-Raniri) merupakan seorang ulama, pengarang, ahli sufi, ahli sejarah⁷ yang berpengaruh dalam sejarah umat Islam di Alam Melayu. Kedudukan beliau sebaris dengan beberapa tokoh ilmuan Aceh yang lain seperti Hamzah al-Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Abdul Rauf al-Singkeli⁸ walaupun berbeza latar belakang pendidikan dan pemikiran. Beliau telah menjadi salah seorang watak penting dalam penyebaran Islam di Nusantara yang giat menyebarkan dakwah sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Beliau telah banyak menghasilkan karya penulisan dalam pelbagai lapangan bidang ilmu agama seperti fiqh, tasawuf dan akidah. Salah satu hasil karya beliau yang masyhur dalam bidang fiqh adalah kitab al-Sirat al-Mustaqim.

Nama penuh al-Raniri ialah Nur al-Din Muhammad Jilani b. ‘Ali b. Hasanji b. Muhammad Humayd al-Qurasyi al-Syafi’i al-Asy’ari al-Aydarusi al-Raniri⁹. Beliau dilahirkan di Ranir atau “Rander”, Gujerat (Gujarat)¹⁰. Mengenai tarikh kelahirannya, tidak

Pemacu Transformasi Negara (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011), 276.

⁷ Jelani Harun, “Bustan al-Salatin; Mutiara Kesufian Untuk Raja-Raja Daripada Nuruddin al-Raniri,” *Jurnal Filologi Melayu* 13 (2005): 25.

⁸ M. Yahya, H, *Kerajaan Islam Nusantara Abad XVI – XVII* (Yogyakarta: Kurnia Kalam Sejahtera, 1995), 20.

⁹ Sayyid Muhammad Naguib al-Attas, *Raniri and The Wujudiyah of 17th Century Aceh* (Master’s Thesis, McGill University, Montreal, 1962), 24; Ab. Manaf H. A., Tajuddin S., *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: YADIM, 2005), 101.

¹⁰ Sayyid Muhammad Naguib al-Attas, *Raniri and The Wujudiyah of 17th Century Aceh*, 24.

ada seorang pun ahli sejarah mencatat tarikh lahir beliau,¹¹ tetapi beliau dipercayai lahir sekitar penghujung abad keenam belas Masihi.¹² Beliau berdarah kacukan Melayu dan Arab kerana ibunya berketurunan Melayu, sedangkan ayahnya adalah berasal dari keluarga yang bermigrasi dari Hadramaut¹³.

Al-Raniri memulakan pendidikan awal di tempat kelahirannya sendiri iaitu di Ranir. Guru beliau ketika itu adalah Abu Hafs ‘Umar b. Abd Allah Ba Syaiban al-Tarimi al-Hadrami¹⁴. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Hadramaut¹⁵. Selepas itu beliau bermusafir ke al-Haramain pada tahun 1030H (bersamaan 1620M/1621M) dan menunaikan haji¹⁶. Terdapat juga pendapat yang menyatakan beliau berguru dengan Syeikh Muhammad Yamin yang membawa ajaran *Wahdat al-Syuhud*¹⁷ dan bapa saudaranya sendiri iaitu Syeikh Muhammad Jailani¹⁸.

Al-Raniri tiba di Aceh pada tahun 1637¹⁹ pada pemerintahan sultan Iskandar Thani²⁰. Walaupun begitu terdapat pandangan

¹¹ Mohd. Muhiden Abd. Rahman, “Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith.” *AL-BAYAN Journal of al-Quran & al-Hadith* 4 (2006): 49.

¹² Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, ed., *Ilmuwan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun* (Selangor : PTS Islamika Sdn. Bhd, 2011), 247; Azyumardi Azra et al. eds., *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005), 6:40.

¹³ Mohd. Muhiden Abd. Rahman, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 2-3.

¹⁴ Voorhoeve, P., “Van En Over Nuruddin ar-Raniri,” *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 107, 4 (1951): 353-368. 356.

¹⁵ Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII* (Jakarta: Prenada Media, 2004), 205.

¹⁶ ‘Abd al-Hayy al-Hasani, *Nuzhat al-Khawatir wa Bahjat al-Masami’ wa al-Nawazir* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1999), 623; Ab. Manaf H. A., Tajuddin S., *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*, 101.

¹⁷ A. Hasjmy, *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu* (Jakarta: Bulan Bintang, 1977), 168.

¹⁸ Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan, dan Sabri Mohamad, *Syeikh Nur al-Din al-Raniri: Ketokohan dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith* (Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, UKM, Bangi, 2010), 1-2.

¹⁹ Drewes, G., *De Herkomst Van Nuruddin ar-Raniri. Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 111, 2 (1955): 137-151. 151

²⁰ Ab. Manaf H. Ahmad dan Tajuddin Saman, *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*, 104; Siradjuddin Abbas, K. H., *Sejarah & Keagungan Madzhab Syafi’i* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 2006), 236.

yang menyatakan bahawa al-Raniri telah tiba di Aceh sebelum tahun 1637, ketika mana Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Disebabkan kedatangannya tidak mendapat sambutan dari pihak istana pada zaman Sultan Iskandar Muda, beliau meneruskan perjalanan dan menetap di Pahang (ketika mana Pahang berada di bawah kekuasaan Aceh)²¹. Tiada kenyataan yang jelas mengenai sebab kedatangan al-Raniri tidak disambut oleh pihak istana, namun mungkin kerana doktrin *Wahdat al-Syuhud* yang dipegang beliau serta pendirian yang tegas terhadap doktrin *Wahdat al-Wujud* boleh dianggap sebagai sebab penting²². Setelah kematian Sultan Iskandar Muda (1636) dan kekuasaan Aceh berpindah kepada Sultan Iskandar Thani (1636-1641) al-Raniri kembali ke Aceh.²³ Beliau telah dilantik menjadi Kadi Malikul Adil iaitu jawatan Mufti Besar Kerajaan Aceh oleh Sultan Iskandar Thani. Beliau memegang jawatan tersebut hinggalah di bawah pemerintahan Ratu Safiatuddin (1641M-1675M) iaitu selepas kematian Sultan Iskandar Thani (1641M)²⁴. Al-Raniri pulang ke tanah air asal beliau di Ranir/Rander pada tahun 1644.²⁵ Beliau meninggal dunia di Gujerat pada hari Sabtu²⁶ tanggal 22 Zulhijjah 1068H bersamaan 21 September 1658²⁷.

²¹ Abdul Rahman al-Ahmadi, *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara* (Sabah : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah, 1981), 56.

²² Sultan Iskandar Muda merupakan pengikut ajaran Wujudiyah Hamzah Fansuri, rujuk; Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2008), 306. Selain itu pendirian keras al-Raniri terhadap Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumatra'i, lihat; Michael Laffan, *Sejarah Islam di Nusantara*, terj. indi & rini (Yogyakarta: Penerbit Bentang, 2015), 182.

²³ Ito, T., "Why Did Nuruddin ar-Raniri Leave Aceh in 1054 A.H.?" *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 134, 4 (1978), 489

²⁴ A. Hasjmy, *Syi'ah dan Ahlussunnah: Saling Rebut Pengaruh dan Kekuasaan Sejak Awal Sejarah Islam di Kepulauan Nusantara* (Jakarta: Penerbit Bina Ilmu, 1983), 99.

²⁵ Drewes, G., "De Herkomst Van Nuruddin ar-Raniri," 151 ;Winstedt, R. O., *A History of Classical Malay Literature* (London: Oxford University Press, 1972), 147.

²⁶ Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsep Syekh Nuruddin ar-Raniri* (Jakarta: CV. Rajawali, 1983), 47.

²⁷ Leaman, Oliver., *The Biographical Encyclopaedia of Islamic Philosophy, Oxford Reference* (2010), Diperolehi dari : <http://www.oxfordreference.com/view/10.1093/acref/9780199754731.001.0001/acref-9780199754731-e-326> ; Winstedt, R. O., *A History of Classical Malay*

Islam di Pahang

Pahang merupakan salah sebuah negeri di Semenanjung Malaysia. Aktiviti penyebaran dan pengembangan Islam di negeri Pahang masih berlanjutan pada hari ini. Jika ditinjau dari sudut sejarah, perkembangan Islam di Pahang mempunyai liku-liku yang tersendiri. Pahang dikatakan mula menerima masuk Islam pada abad ke-15 melalui penaklukan Kerajaan Melayu Melaka²⁸. Walau bagaimanapun terdapat beberapa penemuan dan catatan yang menyatakan bahawa Islam telah masuk dan diterima masyarakat di Pahang sebelum itu lagi.

Penemuan batu nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang yang bertarikh 419H/999M merupakan antara bukti kedatangan Islam ke Pahang lebih awal²⁹. Selain itu wujudnya perkampungan golongan syed sebelum abad ke-15³⁰ boleh dijadikan bukti sokongan teori ini. Keagungan Pahang sebagai tempat pelabuhan dan perdagangan juga membuatkan ia terdedah kepada aktiviti Islamisasi melalui pedagang yang singgah. Lantaran itu, berasaskan beberapa catatan sejarah boleh diandaikan proses atau fasa Islamisasi di Pahang adalah sebagaimana berikut³¹:

1. Fasa pertama merupakan fasa kedatangan dan persinggahan orang-orang Islam yang berlaku sekitar kurun ke-10M.
2. Fasa kedua ialah fasa penyebaran Islam secara kecil-kecilan di sekitar kawasan persisir pantai dan kuala sungai. Fasa ini juga telah mewujudkan perkampungan dan penempatan orang Arab berketurunan Syed. Fasa kedua ini berlaku sekitar kurun ke-11M hingga awal kurun ke-14M.

Literature, 147a; Edwar, D. & Saksono, P., *Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri* (Jakarta : Proyek Pengembangan Media Kebudayaan, 1996) 21.

²⁸ Che Uda Che Nik, *Sejarah Islam 2* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1988). 99-100.

²⁹ Dato Sir Mahmud bin Mat, "Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang", *The Malayan Historical Journal* 2, 2 (1955), 137-140.

³⁰ W. Linehan, *A History of Pahang* (Kuala Lumpur: the MBRAS, 1936), 8:41; Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed di Pahang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 34.

³¹ Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli, "Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori," *Jurnal Kemanusiaan* 24, 1(2015): 10-11.

3. Fasa ketiga, ialah fasa kekuasaan dan perkembangan Islam. Ia bermula apabila Pahang ditakluk oleh Kerajaan Melayu Melaka. Aktiviti perkembangan Islam melalui institusi raja juga bermula dalam fasa ini di bawah kuasa Sultan Muhammad Shah pada sekitar 1470M.

Manakala jika dilihat aspek perkembangan Islam di Pahang, ia berlangsung merentasi zaman dahulu hingga ke hari ini. Peranan untuk mengembangkan Islam dimainkan oleh pelbagai institusi seperti pondok, sekolah, masjid, jawatankuasa kampung dan jabatan agama Islam negeri. Peranan ini juga dimainkan oleh golongan ulama dan pendakwah yang menetap mahupun singgah di Pahang seperti; Hj. Uthman Senik, Haji Habib bin Muhammad Amin, Habib Hassan al-Attas, Tuk Shihabuddin Zainal Abidin, Tuan Hj. Ishak Muhamad Arif, Hamzah al-Fansuri, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan Nur al-Din al-Raniri. Setiap ulama tersebut dan selainnya mempunyai hubungan, sumbangan dan peranan dalam perkembangan Islam di Pahang.

Hubungan al-Raniri dan Islam di Pahang

Al-Raniri dan latar belakang kehidupannya telah memberikan impak yang besar dalam sejarah Islam di Alam Melayu. Ia secara amnya dapat memberikan gambaran perkembangan Islam di sesuatu tempat. Selain sumbangannya dalam penyebaran Islam dan memperbaiki kefahaman umat Islam di Aceh, al-Raniri juga telah meninggalkan kesan-kesan yang memberi nilai dalam sejarah Islam di Alam Melayu khususnya di Pahang. Terdapat beberapa nota penting yang menjelaskan kedatangan al-Raniri ke Pahang dan kaitannya dengan penyebaran Islam di Pahang.

1. Dakwah al-Raniri di Pahang

Al-Raniri seorang yang tinggi ilmunya dan kuat dakwahnya telah datang ke Pahang. Sebagaimana telah disebutkan bahawa al-Raniri telah datang ke Aceh sebelum tahun 1637, ketika mana Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Namun kedatangannya tidak mendapat sambutan dari pihak istana pada zaman Sultan Iskandar Muda, beliau meneruskan perjalanan dan menetap di Pahang³². Ketika beliau di Pahang sudah pasti tugasnya sebagai

³² Abdul Rahman al-Ahmadi, *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, 56: Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, "Pemikiran Nur al-Din al-

pendakwah dan orang berilmu dijalankan dan sasarannya adalah masyarakat sekitar ketika itu. Keadaan ini telah membuatkan perkembangan Islam di Pahang menjadi lebih kukuh.

Begitu juga halnya kedatangan Hamzah al-Fansuri yang datang ke Pahang (Lubuk Pelang) untuk mendalami ilmu Hakikat dan Tasawuf³³. Pengembaraan Hamzah Fansuri kebiasaannya atas matlamat dan hasratnya yang kuat untuk mencari Tuhan³⁴. Matlamat yang sama juga mendorong beliau datang ke Pahang, ini terungkap dalam syairnya³⁵;

Dari Banten ke Pahang terlalu payah,
Mencari Tuhan yang sedia Manah,
Sebab inilah da'im [senantiasia] ia berlelah,
Akhirnya mendapat di dalam rumah.

Perkara ini telah menunjukkan pengajian Islam di Pahang mempunyai kedudukan yang tersendiri. Begitu juga dengan peranan kedua-dua tokoh ini dalam memberi kesan terhadap Islam di Pahang. Selain itu al-Raniri dan Hamzah al-Fansuri mahir bertutur dalam Bahasa Melayu, ini membuatkan interaksi sosial, dakwah dan penyampaian ajaran bukanlah sesuatu yang mustahil ketika mereka berada di Pahang.

Menarik jika ditekankan disini bahawa kedatangan al-Raniri dan Hamzah al-Fansuri memungkinkan wujudnya liga ilmu di Pahang. Sebagaimana yang dimaklumi al-Raniri datang ke Pahang dengan fahaman Wahdatul Syuhud, manakala Hamzah al-Fansuri merupakan agen penyebaran fahaman Wahdatul Wujud. Jika di Aceh al-Raniri begitu tegas dalam menentang ajaran Wahdatul Wujud. Begitu juga di Pahang, sekiranya dua-dua fahaman ini menular masuk melalui dua tokoh ini, nescaya ia mewujudkan liga ilmu di antara tokoh tempatan dalam membahaskannya.

Raniri dalam *Hukum Zakat: Analisis Kitab Sirat al-Mustaqim*," *Jurnal Pengajian Melayu* 23 (2012): 241.

³³ Abdul Jalil Borham, "Legasi Islam di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang," (Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang, Dewan Astaka, UMP, 12 Mac 2014), 0.

³⁴ Mana Sikana, *Teori Sastera Taabudiyah: Sastera untuk Pengabdian* (Selangor: PTS Akademia, 2014), 187; Achadiati Ikram, "Hamzah Fansuri, Sastrawan dan Agamawan," *Susastra* 6, 3 (2007): 6.

³⁵ Claude Guillot & Ludvik Kalus, *Inskripsi Islam Tertua di Indonesia* (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2008), 88.

2. Penguasaan al-Raniri dalam Bahasa Melayu

Di samping penguasaannya dalam ilmu mantik, balaghah, tasawuf, ilmu kalam, fiqh, hadis, sejarah dan perbandingan agama³⁶, al-Raniri juga menguasai Bahasa Melayu. Beliau mempelajari Bahasa Melayu di negerinya (Ranir)³⁷. Ini kerana apabila beliau tiba di Aceh beliau sudah mempelajari Bahasa Melayu.³⁸ Kemungkinan disebabkan Bahasa Melayu ketika itu menjadi “*Lingua Franca*” (iaitu bahasa yang dikongsi bersama oleh semua penutur bahasa dalam sesuatu masyarakat)³⁹ di Kepulauan Alam Melayu sekitar abad ke-15⁴⁰. Beliau juga dipercayai telah menjalinkan hubungan dengan murid-murid dan para jemaah haji yang datang dari Tanah Jawi ketika di al-Haramain⁴¹, sebelum kembali ke Gujarat⁴². Ketika di Pahang al-Raniri juga dipercayai telah mempertingkatkan penguasaannya dalam Bahasa Melayu⁴³. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa komunikasi al-Raniri dengan masyarakat Pahang ketika itu dapat dijalankan dengan baik yang memungkinkan dakwah beliau dapat dilaksanakan dengan baik di Pahang melalui pengantar Bahasa Melayu.

3. Penulisan *Kitab Sirat al-Mustaqim*

Ketika berada di Pahang al-Raniri telah mengarang satu kitab yang bertajuk “al-Sirat al-Mustaqim”, iaitu pada tahun 1044H (sekitar 1634M)⁴⁴ dan selesai penulisannya pada tahun 1644 Masihi⁴⁵.

³⁶ Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad ed., *Ilmuwan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2011), 246.

³⁷ A. Hasjmy, *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah* (Jakarta: Penerbit Beuna, 1983), 200.

³⁸ Teeuw, A., “The History of Malay Language. A Preliminary Survey.” *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 115, 2 (1959): 138-156, 153.

³⁹ Mohammed Azlan, Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak: Kajian Lingua Franca. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12, 3 (2012): 903-922. 905

⁴⁰ Mohamed Anwar Omar Din, “Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya,” *Jurnal Melayu* 7 (2011): 1-82. 30

⁴¹ Voorhoeve, P., “Van En Over Nuruddin ar-Raniri,” 357.

⁴² ‘Abd al-Hayy al-Ḥasanī, *Nuzhat al-Khawaṭir wa Bahjat al-Masami’ wa al-Nawāzir*, 623.

⁴³ Abdul Rahman al-Ahmadi, *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, 56.

⁴⁴ Haji Mat Saad, *Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim (Satu Tinjauan Awal)* (kertas kerja, Seminar Manuskrip Islam, Berakas, Brunei, 2004), 10.

Kitab ini disempurnakan atas permintaan sultan yang memerintah Aceh ketika itu iaitu Sultan Iskandar Thani (1637-1641)⁴⁶. Winstedt pula menyatakan kitab ini dikarang pada tahun 1928 Masihi, kira-kira sembilan tahun sebelum al-Raniri memasuki Aceh (ia juga termasuk fasa beliau menetap di Pahang⁴⁷)⁴⁸. Kitab al-Sirat al-Mustaqim yang bermaksud “jalan yang lurus” adalah kitab fiqh berbahasa Malayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara⁴⁹. Ia juga merupakan kitab fiqh mazhab Syafi’i⁵⁰.

Kitab ini menjelaskan secara ringkas berbagai aspek fiqh ibadat seperti bersuci, solat, zakat, puasa, haji, dan kurban.⁵¹ Namun Azyumardi Azra menyatakan bahawa kitab ini hanya memberikan penjelasan yang sederhana dalam bab-bab fiqh yang asas⁵². Ianya juga hanya mengupas dan menjelaskan tentang

⁴⁵ Teuku Iskandar, *Aceh As a Muslim-Malay Cultural Centre (14th-19th Century)* (kertas kerja yang dibentangkan di First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies, Banda Aceh, Indonesia, 2007), 18.

⁴⁶ Nur al-Din al-Raniri, *Al-Sirat al-Mustaqim* (t.tp.: Percetakan al-Ma’arif, t.t.), 4; Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan, dan Sabri Mohamad, *Syeikh Nur al-Din al-Raniri: Ketokohan dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith* (kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, UKM, Bangi, 2010), 104; Jamalluddin Hashim, “Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri (Kitab al-Taharah dan al-Salah): Teks dan Analisis” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 82.

⁴⁷ Secara tidak langsung kitab ini memberi pengaruh di Pahang sebagai rujukan fiqh masyarakat, kerana bukti menunjukkan ia tersebar di Alam Melayu. Selain itu, penerapan unsur tempatan di dalam kitab tersebut adalah cerminan realiti masyarakat ketika itu, lantas ia menjadi rujukan untuk menjalani hidup berasaskan syariat Islam. Lihat; Jamalluddin Hashim, Abdul Karim Ali & Hasanuldin Mohd, “Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab *Al-Sirat Al-Mustaqim* Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri” *Jurnal Melayu* 7, 1(2014): 1-24.

⁴⁸ Winstedt, R. O., *A History of Classical Malay Literature*, 147

⁴⁹ Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali, “Metode Penulisan Fiqh oleh Nur al-Din al-Raniri dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim,” *Jurnal Syariah* 17, 2 (2009); 268.

⁵⁰ K. H. Siradjuddin Abbas, *Sejarah & Keagungan Madzhab Syafi’i* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 2006), 345.

⁵¹ Taufik Abdullah, et al., *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam: Asia Tenggara* (Jakarta: PT Ihtiar Baru Van Hoeve, 2002), 117-118.

⁵² Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*, 218.

ibadah-ibadah sahaja⁵³. Kitab al-Sirat al-Mustaqim ini juga telah menjadi sebuah kitab yang penting dalam peranannya menyerlahkan budaya keilmuan di Alam Melayu. Kitab ini digunakan secara meluas terutamanya di Aceh sehingga abad ke-19⁵⁴, bahkan masih lagi digunakan di sebahagian sekolah-sekolah agama di Malaysia pada kurun ke-20⁵⁵.

Kitab *al-Sirat al-Mustaqim* karangan al-Raniri telah dihasilkan di Pahang dan Aceh. Penulisan beliau wujud unsur dan elemen tempatan di dalamnya kerana sasaran pembacanya adalah khalayak masyarakat Melayu Nusantara. Oleh kerana itu ia dihasilkan dalam Bahasa Melayu⁵⁶. Elemen tempatan yang diserap di dalam kitab ini sudah tentu melalui observasi al-Raniri sendiri dalam masyarakat Islam di tempat kitab itu dikarang. Justeru itu masyarakat Islam yang dimaksudkan adalah masyarakat Islam Pahang dan Aceh.

Secara dasarnya kitab fiqh yang dikarang mempunyai hubungan dengan penulis dan pembaca. Dalam konteks yang lebih luas, kitab fiqh merupakan dokumen dari produk pemikiran mengenai unsur norma dalam kehidupan manusia, khususnya bagi masyarakat Islam. Oleh kerana itu, terdapat hubungan timbal balik antara kitab fiqh dengan entiti kehidupan. Selain itu, ia juga merupakan produk induksi dari permasalahan yang timbul dalam kehidupan manusia.⁵⁷ Oleh itu dapat dijelaskan disini masyarakat Islam di Pahang ketika itu mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkan ajaran Islam sehingga ia dapat digambarkan di dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim. Amalan ajaran Islam (fiqh) sebenarnya menggambarkan manifestasi tahapan pertama Islamisasi di Alam Melayu berlaku di Pahang⁵⁸. Ia secara tidak

⁵³ Ali Mohammad, "Peranan ulama dalam memartabatkan tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan terhadap Abdul Rauf Singkel", *Journal of Al-Tamaddun* 4 (2009): 81-98. 91.

⁵⁴ Abdul Kadir, H. M., *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 31.

⁵⁵ Raja Mohammed Affandi., *Tokoh-Tokoh Melayu Yang Agung dalam Sejarah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 91.

⁵⁶ Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, "Pemikiran Nur al-Din al-Raniri dalam Hukum Zakat: Analisis Kitab al-Sirat al-Mustaqim," 249-251.

⁵⁷ Cik Hasan Bisri, *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh dan Fiqh Penelitian* (Bogor: Kencana), 312.

⁵⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme* (Bandung: PIMPIN, 2011), 208.

lansung memberi gambaran kedatangan dan perkembangan Islam di Pahang.

4. Hubungan Pahang-Aceh

Dalam rentetan sejarah Pahang berada di bawah kekuasaan Aceh Ini kerana Aceh telah menakluk Pahang selepas menyerang negeri Johor pada tahun 1618⁵⁹. Keluarga Diraja Pahang ketika itu telah di tawan dan dibawa ke Aceh untuk membentuk Aceh⁶⁰. Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Muda dan diganti oleh menantunya yang berasal dari Pahang iaitu Sultan Iskandar Thani hubungan Aceh dengan Tanah Melayu lebih berbentuk diplomatik bukan ketenteraan. Ini adalah kerana keperibadian Sultan Iskandar Tsani wara' dan lebih cenderung menitik beratkan pendidikan Islam⁶¹. Walaubagaimanapun keadaan tersebut tidak menunjukkan hubungan Pahang dengan Aceh hanya sekadar hubungan Politik sahaja bahkan ia telah membentuk satu jaringan intelektual antara ulama' di Pahang dan Aceh. Buktinya adalah kehadiran Hamzah al-Fansuri dan al-Raniri. Kerana itulah dapat dikemukakan teori wujudnya hubungan intelektual antara Pahang dan Aceh.

Penutup

Kedatangan al-Raniri ke negeri Pahang tidak boleh dianggap perkara remeh atau tidak mempunyai kesan yang besar, akan tetapi kedatangan beliau sedikit sebanyak telah memberi impak dalam perkembangan islam di Tanah Melayu. Kedatangan al-Raniri hakikatnya telah memberi gambaran praktis Islam dan perkembangannya di negeri tersebut. Oleh itu, artikel ini telah mengemukakan empat kesan dan hubung kait kedatangan al-Raniri ke Pahang, iaitu; dakwah al-Raniri, interaksi beliau dengan masyarakat, praktis Islam di Pahang melalui penulisan kitab fiqh beliau dan hubungan intelektual Pahang dan Aceh.

Hasil kajian jelas menunjukkan implikasi kedatangan al-Raniri mendatangkan kesan positif dalam sejarah perkembangan

⁵⁹ Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh dalam Tahun 1620-1675* (Medan: Monora, 1972), 67.

⁶⁰ Misri A. Muchsin, *Potret Aceh dalam Bingkai Sejarah* (Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2007), 31.

⁶¹ Muliadi Kurdi, *Aceh di Mata Sejarawan: Rekonstruksi Sejarah Sosial Budaya* (Banda Aceh: LKAS, 2009), 221.

Islam di Pahang secara langsung mahupun tidak langsung. Selain itu, hubungan antara al-Raniri dan Islam di Pahang dapat membuktikan nilai baru dalam sejarah Islam di Pahang seperti masyarakat muslim yang berpegang dengan ajaran Islam, proses integrasi budaya dan Islam dan cerminan amalan Islam yang boleh diterjemahkan dalam kitab fiqh. Namun, kajian secara lebih mendalam dengan metodologi yang lebih terperinci perlu dilakukan dalam usaha memberi nilai dan perspektif baru sejarah Islam di Pahang.

Rujukan

- A. Hasjmy. *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Bulan Bintang, 1977.
- A. Hasjmy. *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. Jakarta: Penerbit Beuna, 1983.
- A. Hasjmy. *Syi'ah dan Ahlussunnah: Saling Rebut Pengaruh dan Kekuasaan Sejak Awal Sejarah Islam di Kepulauan Nusantara*. Jakarta: Penerbit Bina Ilmu, 1983.
- Ab. Manaf H. Ahmad & Tajuddin Saman. *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: YADIM, 2005.
- Ab. Manaf H. Ahmad & Tajuddin Saman. *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: YADIM, 2005.
- Ab. Manaf H. Ahmad & Tajuddin Saman. *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: YADIM, 2005.
- Abdul Jalil Borham, "Legasi Islam di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang," Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang, Dewan Astaka, UMP, 12 Mac 2014.
- Abdul Kadir H. Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*. Sabah: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah, 1981.
- Abdulrahman Hasan Masoh & Weayousuf Ismail Sidae. "Tuan Guru Haji Wan Yusuf al-Bandari: Peranan dan Sumbangannya dalam Penyebaran Ilmu Agama di Selatan Thailand." Dalam

- Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, ed. Azmul Fahimi Kamaruzaman et.al., 41-46. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011.
- Achadiati Ikram. "Hamzah Fansuri, Sastrawan dan Agamawan." *Susastra* 6, 3 (2007): 1-11.
- Ahmad Daudy. *Allah dan Manusia dalam Konsep Syeikh Nuruddin ar-Raniry*. Jakarta : CV. Rajawali, 1983.
- Ahmad Jelani Halimi. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2008.
- Ahmad Zaki Berahim @ Berahim & Mohamad Roslan Mohd Nor. "Tuan Tabal (1891M) dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Tanah Melayu." *Jurnal al-Tamaddun* 4, (2009): 129-143.
- Al-Attas, Sayyid Muhammad Naguib. "*Raniri and The Wujudiyah of 17th Century Aceh*". Master's Thesis, McGill University, Montreal, 1962
- Al-Ḥasanī, 'Abd al-Ḥayy. *Nuzhat al-Khawatir wa Bahjat al-Masāmi' wa al-Nawazir*. Beirut: Dār Ibn Hazm, 1999.
- Ali Mohamad. "Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel." *Jurnal al-Tamaddun* 4 (2009): 81-98.
- Al-Raniri, Nur al-Din. *Al-Sirat al-Mustaqim*. T.tp: Percetakan al-Ma'arif, j.6. t.t.
- Azyumardi Azra. et al. eds. *Ensiklopedi Islam* Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 2005.
- Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Jakarta: Prenada Media, 2004.
- Che Uda Che Nik. *Sejarah Islam 2*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1988.
- Cik Hasan Bisri. *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh dan Fiqh Penelitian*. Bogor: Kencana.
- Claude Guillot & Ludvik Kalus. *Inskripsi Islam Tertua di Indonesia*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2008.
- Dato Sir Mahmud bin Mat. "Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang." *The Malayan Historical Journal* 2, 2 (1955): 137-140.
- Drewes, G. De Herkomst Van Nuruddin ar-Raniri. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 111, 2 (1955): 137-151.

- Edwar, D. & Saksono, P. *Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri*. Jakarta: Proyek Pengembangan Media Kebudayaan, 1996.
- Haji Mat Saad. *Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim (Satu Tinjauan Awal)*. Kertas kerja, Seminar Manuskrip Islam, Berakas, Brunei, 2004.
- Ito, T. "Why Did Nuruddin ar-Raniri Leave Aceh in 1054 A.H.?" *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 134, 4 (1978): 489-491.
- Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali. "Metode Penulisan Fiqh oleh Nur al-Din al-Raniri dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim". *Jurnal Syariah* 17, 2 (2009): 267-298.
- Jamalluddin Hashim, Abdul Karim Ali & Hasanuddin Mohd. "Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab *Al-Sirat Al-Mustaqim* Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri". *Jurnal Melayu* 7, 1(2014): 1-24.
- Jamalluddin Hashim. *Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri (Kitab al-Taharah dan al-Salah) : Teks dan Analisis*. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.
- Jelani Harun. "Bustan al-Salatin; Mutiara Kesufian Untuk Raja-Raja Daripada Nuruddin al-Raniri." *Jurnal Filologi Melayu* 13 (2005): 25-39.
- K. H. Siradjuddin Abbas. *Sejarah & Keagungan Madzhab Syafi'i*. Jakarta : Pustaka Tarbiyah, 2006.
- Kamarudin Salleh. "Dato' Haji Ishak Baharom dan Sumbangan Pemikirannya di Malaysia." *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, 239-242. Bangi; Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011.
- Leaman, Oliver. *The Biographical Encyclopaedia of Islamic Philosophy*. *Oxford Reference* (2010), Diperolehi dari : <http://www.oxfordreference.com/view/10.1093/acref/9780199754731.001.0001/acref-9780199754731-e-326>
- M. Yahya, H. *Kerajaan Islam Nusantara Abad XVI – XVII*. Yogyakarta: Kurnia Kalam Sejahtera, 1995.
- Mahayudin Haji Yahaya. *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Mana Sikana. *Teori Sastera Taabudiyah: Sastera untuk Pengabdian*. Selangor: PTS Akademia, 2014.

- Michael Laffan. *Sejarah Islam di Nusantara*, indi & rini (terj.). Yogyakarta: Penerbit Bentang, 2015.
- Misri A. Muchsin. *Potret Aceh dalam Bingkai Sejarah*. Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2007.
- Mohamad Amin Abu Bakar, Mohd. Ridzuan Awang & Ibnor Azli Ibrahim. "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1860-1965M) Terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara". Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, 272-278. Bangi; Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011.
- Mohamed Anwar Omar Din. "Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya." *Jurnal Melayu* 7 (2011): 1-82.
- Mohammed Azlan. "Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak: Kajian Lingua Franca." *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* 12, 3 (2012): 903-922.
- Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan, dan Sabri Mohamad. *Syeikh Nur al-Din al-Raniri: Ketokohan dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith*. Kertas kerja, Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, UKM, Bangi, 2010.
- Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan, dan Sabri Mohamad. "Syeikh Nur al-Din al-Raniri: Ketokohan dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith". Kertas kerja, Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, UKM, Bangi, 2010.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. "Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith." *AL-BAYAN Journal of al-Quran & al-Hadith* 4 (2006): 47-62.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. "Pemikiran Nur al-Din al-Raniri dalam Hukum Zakat: Analisis Kitab Sirat al-Mustaqim." *Jurnal Pengajian Melayu* 23 (2012): 237-255.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli. "Islamisasi Awal di Pahang: Satu Tinjauan Teori." *Jurnal Kemanusiaan* 24, 1 (2015).
- Muliadi Kurdi. *Aceh di Mata Sejarawan: Rekonstruksi Sejarah Sosial Budaya*. Banda Aceh: LKAS, 2009.

- Napisah Karimah Ismail & Farid Mat Zain. "Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah." Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011.
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, ed. *Ilmuwan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2011.
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, ed. *Ilmuwan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2011.
- Raja Mohammed Affandi. *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- Siradjuddin Abbas, K. H. *Sejarah & Keagungan Madzhab Syafi'i*. Jakarta : Pustaka Tarbiyah, 2006.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam dan Sekularisme*. Bandung: PIMPIN, 2011.
- Taufik Abdullah, et al. *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam: Asia Tenggara*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 2002.
- Teeuw, A. "The History of Malay Language. A Preliminary Survey." *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 115,2 (1959): 138-156.
- Teuku Iskandar. *Aceh As A Muslim-Malay Cultural Centre (14th-19th Century)*. Kertas kerja, First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies, Banda Aceh, Indonesia, 2007.
- Voorhoeve, P. "Van En Over Nuruddin ar-Raniri." *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 107, 4 (1951): 353-368.
- W. Linehan. *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: the MBRAS, 1936.
- Winstedt, R. O. *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press, 1972.
- Zakaria Ahmad. *Sekitar Kerajaan Atjeh dalam Tahun 1620-1675*. Medan: Monora, 1972.